

Mohammad Natsir (1908-1993): Satu Model Kecendekiawanan

Mohamad Kamal Hassan

Office of the Professor “Ulung”, International Institute of Islamic Thought & Civilisation (ISTAC), International Islamic University Malaysia, P.O Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +6019-2771042 E-mel: mkhassan@iiium.edu.my

Abstrak

Antara gergasi yang terakhir di antara pencinta Negara Indonesia dan pemimpin politik revolusi, adalah insan yang diberi nama Mohammad Natsir. Beliau pernah menyoal jawatan Menteri Penerangan dan kemudian Perdana Menteri bagi Republik tersebut dalam tahun 1950an. Tanpa syak lagi beliau mempunyai pengaruh yang lebih besar ke atas pemikiran Islam dan politik di dalam Indonesia selepas peperangan berbanding mana-mana yang sezaman atau seangkatan dengan beliau. Dengan sifat sederhana dan ketidak-pura-puraannya, beliau diberikan reputasi yang sepatutnya di atas integriti tersendiri dan kejujuran yang amat tinggi di dalam berpolitik. Kertas kerja ini memaparkan wacana pengetahuan *tacit* beliau yang kian lama pudar tanpa diberi peluang untuk diterbitkan. Dalam usaha ini, penulis bertujuan mempamerkan kehidupan Mohammad Natsir yang sentiasa hidup dengan mudah, menghormati majlis dan pemakaian beliau yang cukup sederhana. Wacana ini berkongsi falsafah kepimpinan dan sifat tetap dan komited beliau dalam hukum-hukum Islam. Dengan penulisan ini diharapkan akan wujud kesedaran bahawa ilmu yang di bawa dalam Islam tidak terganggu gugat dengan pengaruh yang sentiasa mencari sebab-musabab mengkompromasikan keilmuan Muslim yang jitu.

Katakunci: Mohammad Natsir; Pemimpin; Tacit; Cendekiawan

Abstract

Amongst the last of the giants and the aspirants of Negara Indonesia, and also a revolutionary

political champion was Mohammad Natsir. He was once the Minister of Information and thereafter the Prime Minister of the Republic in the 1950s. Undoubtedly, he has more influence far greater than any other thinkers of Islam and the politics of post-war period as compared to his contemporaries. By nature, he was extraordinarily modest and unpretentious and he had a well-deserved reputation for personal integrity and political probity. This paper attempts to portray his tacit knowledge that has been diluted in time without the space to be published. In this writing, the writer hopes to share Mohammad Natsir's leadership philosophy and his steadfastness in the rules of Islam. It is hoped that this writing will create the awareness that the knowledge spread in Islam will not be tolerant to any external factors that are diligently forcing and imposing compromises on the Muslim's beliefs.

Keywords: Mohammad Natsir; Leadership; Tacit; Steadfastness

Pengenalan

Pada masa kini memang sukar dicari seorang pemimpin yang terkenal dengan sifat kejujuran yang amat tinggi dalam berpolitik (*“political probity”*), selain syahsiah berintegriti (*“personal integrity”*) serta kesederhanaannya yang luar biasa, dan tanpa sebarang keinginan untuk menonjolkan diri (*“extraordinarily modest and unpretentious”*). Begitulah, antara lain, sifat seorang pemimpin yang tiada bandingannya; sebagai Muslim yang tidak berpretensi ilmiah, ia merupakan seorang intelektual Muslim yang *autodidact*. Sejarah hidup al-Marhum Bapak Mohammad Natsir menampilkan ciri-ciri keistimewaan seorang pemimpin besar umat

Islam Abad ke-20 yang telah mengorbankan seluruh hidupnya dalam suatu perjuangan panjang yang merangkumi dimensi-dimensi utama eksistensi dan misi Islam di bumi Republik Indonesia (Yusuf Abdullah, 1978; Ajip, 1989; Endang dan Rais, 1988; Yusril, 1995). Dalam liku-liku perjuangan bagi seorang penulis dalam majalah *Pembela Islam*, *Al-Lisan*, *Pandji Islam* dan lain-lain, sehinggalah digelar sebagai seorang “Pahlawan Nasional”, al-Marhum telah merentasi empat zaman penuh pancaroba bermula zaman pemerintahan kolonial Belanda, zaman revolusi, zaman pasca-revolusi dan Orde Lama pimpinan Presiden Soekarno, sehinggalah zaman Orde Baru pimpinan Presiden Soeharto. Namun al-Marhum tidak sempat berada dalam era Reformasi yang membawa perubahan-perubahan kritikal dalam sistem politik Indonesia. Ia sebenarnya hasil perjuangan, antara lain, generasi muda gerakan Islam yang pernah mendapat asuhan pemikiran dan sentuhan peribadi Pak Natsir dan rakan-rakan seperjuangan beliau. Banyak hal yang menggembirakan hati Pak Natsir yang dibawa oleh gelombang demokratisasi dan kebangkitan semula Islam sebagai satu kekuatan politik dan tamadun bangsa Indonesia yang telah dibekukan oleh rejim “Orla” atas nama “Demokrasi Terpimpin” dan rejim “Orba” atas nama Program Pembangunan, selain depolitisasi dan mendaulatkan Pancasila sebagai Asas Tunggal Republik Indonesia. Kegembiraan itu segera diliputi rasa kecewa dan kesedihan akibat kemunculan aliran pemikiran yang menamakan dirinya sebagai Jaringan Islam Liberal dengan dukungan dan sokongan kuat organisasi-organisasi antarabangsa (Barton, 1995; Adian, 2003, 2005; dan Luthfi 2002)

Tajdid Natsir Yang Benar dan Tajdid Golongan Liberal yang Palsu

Tradisi gerakan Ilahi dan *Tajdid* yang diteruskan oleh tokoh-tokoh besar di Indonesia seperti Bapak Mohammad Natsir, menerusi wacana cendekiawan dwi-uslubnya, iaitu “Berdakwah di jalur politik” dan “Berpolitik di jalur dakwah”, telah digugat dari dalam tubuh umat

Islam dengan tersebarnya pengaruh faham “neo-modernisme” yang diperkenalkan oleh Nurcholish Madjid, Abdurrahman Wahid (“Gus Dur”) serta fahaman “liberalisme” Ulil Abshar-Abdalla dan rakan-rakannya. Cabaran intelektual itu memang serius dan bersifat ilmiah tetapi ia mempunyai kecenderungan sebagai satu gejala “diabolisme intelektual” (Adian dan Nuim 2005) atau “diabolisme pemikiran” (Syamsuddin, 2008), yang tumbuh di penghujung Orde Baru. Banyak penyelewengan makna konsep-konsep asasi Islam seperti Tauhid, Iman, al-Din, Hanif dan Muslim untuk membolehkan, konsep sekularisasi diterima atas nama “Menyegarkan Kefahaman Agama di Kalangan Umat Islam Indonesia”. Gerakan Pembaharuan pimpinan Nurcholish Madjid itu kemudian mendapat sokongan kuat Abdurrahman Wahid yang menganjur “Penafsiran Kembali Ajaran Agama di Pendalaman Jawa”. Pada masa kini tafsiran-tafsiran baru terhadap agama telah berkembang pesat yang bertujuan merombak makna sebenar “hukum Tuhan”, ijtihad, wahyu dan agama yang diiktiraf oleh Allah s.w.t telah dilakukan oleh cendekiawan-cendekiawan muda pada era Reformasi atas nama “Menyegarkan Kembali Pemahaman Islam” Kecendekiawanan Bapak Mohammad Natsir juga menitikberatkan keharusan pembaharuan, tetapi wacana pembaharuannya menepati tradisi Ilahi Tajdid yang sebenar. Sedangkan “pembaharuan” oleh gerakan “neo-Modernis” atau Jaringan Islam Liberal adalah distorsi dan dekonstruksi ajaran-ajaran Islam. Menurut Taufik Abdullah mereka berdiri di pinggir tebing yang sangat curam (Barton, 1995). Pak Natsir sendiri membuat penilaian bahawa “Bila terjadi pembaharuan yang dilakukan itu sampai terlepas dari Islam, jelas ia perbuatan khianat” (Barton, 1995). Oleh sebab itu sikap sedemikian jelas bertentangan dengan pendirian dan keperluan adanya keberanian untuk berlawanan dengan umat, kerana keperluan umat belum tentu adalah kehendak sebenar umat secara total.

Kecendikiawanan yang Terbit dari Asas Akidah yang Teguh

Sifat cendikiawan Bapak Mohammad Natsir, seperti yang diterjemahkan dalam qalam atau kalem A. Moechlis (nama samaran M. Natsir) dalam tahun 30an atau sebagai pemimpin Patai MASJUMI dan pemimpin negara pada tahun 50-an, atau sebagai Ketua Dewan Dakwah Islamiah Indonesia dari tahun 1967 sampai akhir hayatnya pada tahun 1993, terserlah menerusi prinsipnya yang sentiasa berpegang teguh secara konsisten kepada ajaran-ajaran agama Islam yang diwarisi daripada generasi salaf soleh secara turun temurun sebagai perkara-perkara pokok (*al-Thabit*) yang tidak tertakluk kepada perubahan zaman. Manakala dalam hal-hal yang bukan termasuk dalam kategori ibadah khusus atau yang tidak terikat dengan ketetapan-ketetapan atau peraturan-peraturan Agama yang jelas, Muslim dibenarkan, malah dianjurkan supaya melakukan inovasi dan pembaharuan yang diperlukan. Beliau menjelaskan dalam polemiknya dengan Ir. Soekarno:-

“... maka Islam adalah satu sintese jang tjukup memberi keluasan untuk perdjalanannya evolusi dalam hal-hal jang memang mesti berevolusi dan bersipat radikal dalam bidang-bidang jang mesti radikal, akan tetapi dalam padaituia mempunyai pula beberapa anasir-anasir, beberapa rukun-rukun jang bersipat ke Tuhanan jang kekal dan tak berubah-ubah, untuk djadi sauh atau djangkar, jang akann memperlindunginya dari pada hanjut terapung-apung, dan terdampar kesana-sini, dibawa oleh alun dan aliran zaman (Natsir, 1980a). Maka dalam sebuah negara yang berasaskan Islam, hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh agama Islam tidak akan tertakluk kepada persetujuan Parlimen. Perkara yang mungkin diperbincangkan ialah cara-cara untuk menjalankan semua hukum itu sahaja. Adapun prinsip dan kaedah *sudah tetap*, tidak boleh dibongkar-bongkar lagi, tidak mesti diserahkan pula lebih dulu kepada hasil undian menurut sistem ‘separo-tambah-satu-suara’ (Natsir, 1980a).

Pak Natsir Sebagai Pemimpin Umat

Kecendikiawanan Bapak Mohammad Natsir adalah dimensi pemikiran dan kualiti daya fikir yang tidak boleh dipisahkan daripada Mohammad Natsir sebagai seorang pemimpin sejati yang disifatkan oleh al-Marhum Mohamad Roem sebagai hati nurani ummat selain pejuang kebangsaan, patriot, politisi, diplomat, negarawan, pendidik, guru, penulis, pemikiran dan pendakwah. Kajian juga menunjukkan sifat *mu'min*, *mukhlis* dan *muttaqin* telah menyatukan kepelbagaian fungsi dan perwatakan Mohammad Natsir dalam satu kesatuan yang harmonis, indah dan menarik (Anwar, 2001; Endang dan Rais, 1988).

Menerusi peribadi yang unggul, *multi-talented* dan berwawasan mulia membolehkan beliau mempunyai tiga ciri khas yang selalu melekat pada ingatan orang yang pernah berinteraksi dengannya impak yang besar kepada setiap bidang yang ia tekuni. “Saat menerjuni bidang politik, Mohammad Natsir adalah seorang politikus piawai. Saat menerjuni medan perang, ia menjadi panglima yang gagah berani, dan saat berdebat dengan musuh, ia tampil sebagai pakar ilmu dan dakwah. Dengan kefahaman yang mendalam tentang sirah dan peranan Nabi Muhammad (s.a.w) sebagai “Pemimpin Umat” yang berjuang, berhijrah dan berjihad menegakkan kebenaran dan keadilan Ilahi – “Tak ada separo-Islam jang ia benarkan, tak ada sesetengah batil jang ia akui” (Natsir, 1955) – saudara M.Natsir, pada umur 30 sudah mengerti benar makna dan sifat-sifat kepimpinan Islami. Beliau menulis demikian dalam *Pandji Islam* dalam bulan Mei 1939.

Berbekal kepintaran dan bakat semulajadi anugerah Allah s.w.t kepada Mohammad Natsir, disamping persekitaran keluarga dan budaya yang mendorong ke arah kecemerlangan intelektual, pemuda pintar yang haus ilmu itu dapat menimba ilmu moden daripada sistem pendidikan negeri umum (kerajaan) yang terbaik (H.I.S dan M.U.L.O) di Sumatera Barat dan Bandung (A.M.S) sekaligus menyelami ilmu-

ilmu agama Islam dan bahasa Arab daripada Madrasah Diniyah. Dengan penguasaan bahasa Belanda, Jerman, Inggeris, Perancis dan Latin, beliau yang tidak pernah merasa jemu belajar, memperkaya mindanya dengan khazanah pemikiran Barat moden dan klasik tanpa terpengaruh dengan aliran pemikiran atau falsafah tamaddun humanisme sekular atau atheistik. Beliau mendapat inspirasi daripada sarjana-sarjana agung Islam termasuk Muhammad ‘Abduh dan Muhammad Iqbal serta cendekiawan-cendekiawan besar dan berpengaruh di Indonesia seperti Haji Agus Salim, Ahmad Soorkati dan A. Hasan, dengan mengikuti pengajian agama Islam dalam organisasi PERSIS (Persatuan Islam) pimpinan Ustad A. Hasan (Federspiel, 2001). Pegangan yang kuat kepada Al-Quran dan al-Sunnah diteruskan melalui pengajian kitab-kitab tafsir seperti Tafsir Ibn Kathir, *Fi ÚilÉl al-Quran* dan Tafsir al-Furqan peninggalan guru beliau A. Hasan (Adian dan Nuim, 2007). Sebagai seorang pendidik dan “Guru yang perfeksionis filosofis”, wacana kecendekiawanan Bapak Mohammad Natsir sangat menekankan tentang pengaruh pendidikan Barat terhadap generasi muda, mengingatkan saranan penting Snouck Hurgronje bahawa “Pendidikan dan pelajaran dapat melepaskan orang Muslim dari genggaman Islam.” Beliau amat memahami maksud kata-kata Snouck Hurgronje, “La solution de la question islamique dépend de l’adhésion des indigènes a notre civilisation” (Natsir, 1955).

Pembentukan Ulamak-Intelektual dan Intelektual-Ulamak

Beliau ingin melihat penyatuan dua golongan intelek umat Islam, ulamak dan intelektual, sehingga wujud ulamak-intelektual dan intelektual-ulama (Natsir, 1955). Pendidikan dalam wacana M. Natsir ialah satu proses pembangunan holistik jasmani-ruhani “jang menudju kepada kesempurnaan dan lengkapnya sifat-sifat kemanusiaan dengan arti yang sesungguhnya” (Natsir, 1955). Beliau menjelaskan bahawa tujuan pendidikan Islam

yang bersepadu tidak lain dari proses merealisasikan tujuan hidup ber-‘ubudiyah kepada Allah s.w.t. Hamba Allah yang berilmu itulah yang benar-benar takut kepada Tuhannya (Al-Quran 22:28). Dengan berlandaskan konsep Tawhid, pendidikan Islam bakal membawa kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat (Natsir, 1955). Untuk mencapai tujuan mengakrab dan menyatukan dua golongan intelek Muslim dan penghapusan sistem pendidikan dualisme, Bapak M. Natsir pada tahun 1938 lagi sudah menyuarakan kepentingan diwujudkan Sekolah Tinggi Islam atau “Universitet Islam” di Indonesia (Natsir, 1955) selain membentuk satu “Perikatan Perguruan-perguruan Muslimin Indonesia” dengan nama singkatan “Permusi” (Natsir, 1955).

Fungsi Dan Konsep Akal dari Perspektif Islam

Kecendekiawanan seorang ilmuwan, pemikir atau pendidik mukmin *muttaqin* yang berlandaskan penghayatan epistemologi tauhid secara konsisten sentiasa bergelut dengan isu asasi yang amat penting, iaitu tentang kedudukan, fungsi sebenar akal sebagai anugerah Allah s.w.t yang paling tinggi kepada insan, serta batas-batas kognitifnya. Pada masa kini aliran pemikiran “neo-Mu’tazilah”, dan “neo-Modernis”, selain Jaringan Islam Liberal dan golongan sekular yang wujud di Indonesia, pada dasarnya menggunakan pertimbangan akal merdeka sebagai neraca tertinggi dalam menentukan kebenaran ajaran-ajaran agama. Atas nama ijtihad atau hak-hak asasi manusia aliran-aliran ini memporakperandakan keutuhan doktrin-doktrin keagamaan dan hukum-hukum Ilahi. Dalam menangani cabaran aliran rasionalisme ini pada tahun 1940, Bapak M. Natsir menerangkan dengan jelas betapa pentingnya akal dan kemerdekaan berfikir dalam ajaran Islam. Namun “akal merdeka yang bebas dari pegangan Agama”, atau “akal merdeka yang salah pasang”, atau “akal merdeka yang tersesat” dan “yang tidak berdisiplin” akan membawa banyak penyelewengan dalam kefahaman agama seperti “itikad anthropomorphisme”,

“itikad pantheisme”, “taqlid buta”, selain akan mengadakan bentuk-bentuk “khurafat modern”.

Huraian Bapak M. Natsir tentang “akal anarki yang tak kenal batas” pada tahun 1940 masih relevan dengan isu hangat masa kini. Antara lain beliau mengatakan, “Dan kesudahannya yang kita peroleh dari akal merdeka itu, bukan lagi *interpretasie* Agama, melainkan likuidasie Agama!” (Natsir, 1988). Masalah yang dibawa oleh aliran *postmodernisme* masa kini juga sudah dikenal pasti oleh beliau ketika beliau berkata, “Akal merdeka 100 peratus tidak menggariskan batas buat dirinya. Semua ia mau labrak, semua ia mau atur, semua mau ia kritik. Kecuali mengeritik dirinya sendiri!” (Natsir, 1988). Kenyataan ini membayangkan ciri pemikiran *postmodernisme* masa kini.

Bahaya Pluralisme Agama

Meskipun aliran “Pluralisme Agama” dengan pengertian semua agama adalah sama benar (Anis, 2005), belum wujud pada tahun 40-an, Bapak M. Natsir sudahpun merujuk kepada fenomena itu ketika beliau membincangkan isu betapa banyaknya “dokter-dokter” mencoba mengubati kefahaman agama yang sedang “sakit”. Kata beliau: Ada dokter yang datang dengan obat ‘synthese’, ya’ni obat campur-aduk sebagaimana yang dianjurkan oleh orang-orang theosofie, yang berpendapat bahawa semua agama itu sama-sama baik, dan lantaran itu kita ambil dari Islam mana yang baik. Diambil dari Kristen, dari Hindu, mana yang kita ‘rasa baik’... yang akhir kesudahannya menghasilkan suatu ‘agama gado-gado’.... Ada dokter yang membawa obat ‘rationalisme’.... maka selama *rationalisme* ini tahu akan batas-batas pekerjaannya memang banyak manfa’atnya untuk memperdalam dan menambah keteguhan Iman dan perasaan keagamaan.... Akan tetapi! Dimana teori-teori itu semua, melontar ke sana ke sini hendak mengupas zat dan sifat ketuhanan dengan tidak peduli batas.... apabila kita biarkan si-akal merdeka 100 peratus ‘merationalisasikan Agama dengan tidak ada mengenal batas.... Sekali lagi!

Boleh jadi maksudnya bermula hendak me-interpretasikan Agama. Akan tetapi ak i b a t yang dihasilkannya ialah likwidasi Agama! (Natsir, 1988).

Pada tahun 1940 Bapak M. Natsir, yang banyak membaca karya sasterawan terkenal Barat, telah meletakkan beberapa prinsip asasi tentang sastera sebagai satu “lukisan dari tingkat ketjerdasan salah satu kaum” (Natsir, 1955). Beliau menerangkan kenapa pendirian “l’art pour l’art” (seni untuk kesenian) sebagai tidak boleh diterima. Memang diakui bahawa “Sesungguhnya Allah s.w.t itu Jamik, dan Ia suka kepada yang benar-benar indah (al-Jamil)”, “tetapi apa jang memberi mudharat kepada kebatinan kaumku, atau jang lebih banjak mudharatnja dari manfaatnja, harus aku tolak sebagai barang jang berbahaja!” (Natsir, 1955). Pendirian beliau tentang perkembangan kebudayaan ialah seperti berikut: Barat boleh mengambil inspirasi ke Timur, Timur boleh mengambil inspirasi ke Barat. Akan tetapi tidak semua sumber-sumber itu mengeluarkan air jang djernih, jang memberi manfaat kepada kita. Baik buat orang lain belum tentu baik buat kita sendiri. Djadi disini perlu rupanja pudjangga kita memakai saringan sedikit, apalagi sebagai *Pudjangga* Muslim! (Natsir, 1998). Hasil kesusasteraan yang tinggi nilainya, menurut Bapak M. Natsir lahir dari “apa jang seluhur-luhur dan sesutji-sutjinya jang ada dalam sanubari bangsa itu” (Natsir, 1955). Pentingnya “pandangan hidup” atau *Weltanschauung* atau *worldview* melatarbelakangi kecendikiawanan sesuatu bangsa dipertegaskan oleh beliau dalam kenyataan berikut: Kalau sebenarnja salah satu buah kesusasteraan itu (sjair, prosa, roman, dan sebagainya), terbit dari sanubari jang sutji murni, kalau betul buah perpustakaan itu ‘tetesan djiwa’ dari pudjangga jang timbul ditengah-tengah masyarakat kehidupannya, sudah tentu akan tergambarlah dalam buah tangannya itu: *tjita-tjita jang* senantiasa diidamkan oleh djiwanja dan djiwa bangsanja, akan terlukis perjuangannya ruhaninja, akan terdengar keluh-kesah masyarakat umatnja, akan terbentang ideologinja menurut falsafah kehidupan jang

tertentu.

Beliau mengimbuai salah satu isu “Islamisasi ilmu pengetahuan manusia” pada masa itu dengan sikap tegasnya menentang kebatilan tidak kira dari mana ia datang dan menerima kebenaran tanpa mengira dari bumi mana ia muncul. Sebab itu beliau berkata: Kita tak usah anti Barat. Kita orang Islam perlu menerima dorongan-dorongan dari Barat, terutama dalam urusan beberapa ilmu-ilmu yang eksak dan praktis... Bila melangkah selangkah lagi, mengambil-oper ruh semangat kehidupan orang Barat, yang pada umumnya sangat meremehkan, malah seringkali menentang moral dan etik... dengan tidak disaring dan ditapis benar lebih dahulu, besar bahayanya bagi masyarakat kehidupan kaum Muslimin, sedangkan kebudayaan Islam sendiri cukup mempunyai sumber-sumber inspirasi bagi pudjangga-pudjangga kita (Natsir, 1955). Penentangan Bapak M. Natsir terhadap aliran faham “l’art pour l’art”, amat signifikan malah sebarang bentuk faham, falsafah atau gagasan yang tidak mempedulikan akhlak, budi pekerti, serta keimanan dan kesutjian batin” akan dibuat kerana ia “tidak diizinkan oleh pandangan hidup saja.

Konsep Islam yang Syumul

Kesyumulan ruang lingkup kecendekiawanan Bapak M. Natsir merangkumi pelbagai isu besar yang dikupas secara ilmiah dan bertanggungjawab. Di antara isu besar yang amat relevan sampai hari ini dan masa hadapan umat Islam dan Indonesia ialah isu hubungan negara dan agama dari perspektif Islam. Dari zaman kolonial Barat sampai sekarang, golongan cendekiawan kebangsaan sekular dan Kristen-Katolik dan kelompok bukan Islam yang lain tetap mempertahankan gagasan pemisahan agama-negara dengan berpandukan kepada sejarah panjang Eropah yang pernah dicengkam oleh kekuasaan Gereja dan kemutlakan wewenang Pope dalam sistem teokrasi. Kehebatan sifat cendekiawanan M. Natsir juga terserlah dalam polemik panjangnya dengan Ir. Soekarno (Ahmad,

2002; Natsir, 1980b). Ir. Soekarno mewakili perspektif kebangsaan sekular dan Sdr. M. Natsir mewakili perspektif “Islam Kaffah” atau perspektif salafiyah yang menyatukan negara dan agama. Hujjah-hujjah Sdr. M. Natsir yang menyokong pendirian negara Indonesia hendaklah didirikan atas dasar agama Islam yang mencerminkan keyakinan arus perdana ulamak dan sarjana-sarjana besar Islam dari dulu sampai sekarang. Mereka melihat bahawa Islam dan contoh teladan Rasulullah (s.a.w) meletakkan tugas pemerintahan negara, kuasa politik dan kepimpinan dunia merupakan sebahagian daripada tanggungjawab agama (al-Din) sebagaimana yang pernah ditegaskan oleh Muhammad Iqbal yang menyebut: “In Islam it is the same reality which appears as church looked at from one point of view and State from another... Islam is a single unanalysable reality which is one or the other as your point of view varies” (Iqbal, 1968).

Menurut Iqbal (1968), negara di bawah pimpinan Rasulullah (s.a.w), al-Khulafah al-Rashidin dan pemimpin-pemimpin yang berpegang teguh kepada ajaran Islam dan menerima Islam secara keseluruhan (Al-Quran 2:208) merupakan, “*an endeavour to transform those ideal principles into space-time forces, an aspiration to realize them in a definite human organization.*” Dengan demikian institusi Khilafah dalam sejarah dan perundangan Islam adalah manifestasi tuntutan agama Islam bagi menegakkan keadilan Ilahi dalam bidang pemerintahan dan ketatanegaraan. Kecendekiawanan M. Natsir dapat mematahkan hujjah-hujjah Ir. Soekarno yang menampilkan contoh Turki di bawah sistem sekular (*laicism*) ala Kemal Attaturk dan pengikut-pengikutnya. Ir. Soekarno juga merujuk kepada pendapat Shaikh ‘Ali ‘Abd al-Raziq dalam kitabnya *Al-Islâm wa UÛl al-’ukm* yang menjadi rujukan kepada ramai cendekiawan yang berpegang kepada fahaman sekularisme. Sdr. M. Natsir mengulas dan menolak hujjah-hujjah itu secara sistematik, rasional dan ilmiah (Natsir, 1955). Meskipun perbezaan pendapat antara Sdr. M. Natsir dan Ir. Soekarno adalah besar dengan masing-masing mewakili dua *worldview* yang

amat bertentangan namun cendikiawan M. Natsir telah melahirkan, secara tidak langsung, satu kod etika berpolemik atau berdebat secara beradab, sehingga beliau tidak memutuskan silaturrahim dengan Ir. Soekarno. Perbezaan pandangannya dengan golongan sosialis, Marxis atau Kristen-Katolik juga tidak kurang hebat, tetapi beliau tetap mengekalkan hubungan kemanusiaan yang beradab dengan orang-orang yang berbeza pandangan dengan beliau. Beliau dan rakan-rakan seperjuangan dalam MASJUMI juga terkenal dengan sikap terpaksa berkompromi dalam kasus penanggalan “tujuh perkataan” Piagam Jakarta, 22 Jun 1945, dalam pendahuluan kepada Undang-undang Dasar 1945, semata-mata untuk membolehkan berdirinya negara Indonesia merdeka dan atas kepercayaan bahawa Pancasila akan ditafsirkan mengikut perspektif Islam. Kejujuran dan keikhlasan Bapak M. Natsir dan rakan-rakannya yang mencerminkan ketinggian peribadi cendikiawan dan pemimpin *mu'min-muttaqin* itu rupa-rupanya telah menjadi satu daripada faktor kegagalan mereka dalam arena politik. Drs. Lukman Harun pernah bertanya kepada Bapak M. Natsir, “Pak Natsir, kenapa dalam politik kita kalah?” Jawab beliau, “Kerana kita ikhlas dalam politik” (Anwar, 2001).

Konsep negara, dalam perspektif Islam anutan Bapak M. Natsir “bukan tudjuan, tetapi alat. Manakala tujuan ialah ‘kesempurnaan berlakunja undang-undang Ilahi, baik jang berkenaan dengan perikehidupan manusia sendiri, (sebagai individu), ataupun sebagai anggota dari masyarakat. Baik jang berkenaan dengan kehidupan dunia jang fana ini, ataupun jang berhubungan dengan kehidupan kelak di Alam Baka’ (Natsir, 1955). Dengan demikian, konsep “progress” yang dipuja oleh “kaum Kemalisten jang melemparkan undang-undang Agama Islam djauh-djauh” tidak menepati kehendak Islam, walaupun “Kita ada hak mengambil peraturan-peraturan jang baik, jang tidak berlawanan dengan kehendak Agama kita, dari Inggeris dari Djepang, dari Rusia atau dari Finlandia...” (Natsir, 1955). Menurut Bapak M. Natsir “Islam bersifat ‘demokratis’ dengan arti

bahwa Islam itu anti istibdad, anti absolutisme anti sewenang-wenang” (Natsir, 1955). Ia juga satu pendirian yang dianuti pada masa kini oleh YËsuf (2000) yang menyanjung tinggi ketokohan Bapak M. Natsir sewaktu beliau masih hidup. Apabila Bapak M. Natsir bertanya “Apakah artinja demokrasi dalam tangannja Diktator Kemal...atau tegasnja dalam tangan seorang ‘Fuehrer’ Mustafa Kemal?” (*Capita Selecta*, 453). Soalan ini secara tidak disadari membayangkan apa yang bakal terjadi kepada Ir. Soekarno dengan “Demokrasi Terpimpinnya”. Ternyata kebimbangan Bapak M. Natsir tentang nasib negara apabila kekuasaan terkumpul sepenuhnya pada tangan seorang nasionalis sekular yang kononnya ingin menyelamatkan agama Islam daripada kongkongan “kaum-fekih-jang-tak-tahu-sedjarah” dibuktikan oleh sejarah pada tahun 1959.

Peringatan yang diberikan oleh beliau bahawa kita kaum Muslimin haruslah senantiasa memakai Wahyu Ilahi dan Sunnah Rasul djadi ukuran dan kriterium, untuk menjaring manakah jang boleh dipakai dan manakah jang harus disingkirkan (Natsir, 1955) akan sentiasa relevan untuk direnungi dan dipatuhi oleh generasi muda dan golongan cendikiawan Muslim yang mahu dianggap “progressive”. Mereka akan ingat kenyataan Bapak M. Natsir bahawa “urusan kenegaraan adalah satu bagian, satu intergreerend deel dari Islam itu sendiri” (Natsir, 1955). Mereka juga diperingatkan oleh Bapak M. Natsir supaya tidak terus mudah dihinggap “penyakit” “*minderwaardigheidscomplex*” (*inferiority complex*) supaya dianggap maju atau “modern” atau “demokrat” oleh sarjana-sarjana atau institusi-institusi Barat (Natsir, 1955). Bagi mereka yang memperjuangkan nilai kebebasan mutlak manusia bukan mendefinisi diri sendiri menurut pandangan akal merdeka. Manakala Bapak M. Natsir membezakan antara kesahihan perjuangan R.A. Kartini untuk mencapai “tjita-tjita emansipasi...jang sehat dan berdasarkan kepada *fitrah*” dengan apa yang disebut sebagai “emancipatie-ideaal jang salah pasang” dengan kesimpulan bahawa “perempuan itu, sebetulnya sama dengan laki-laki dalam hal apapun.” Sikap

sedemikian merupakan pengaruh “pergerakan feministen Barat yang juga sampai kenegeri kita ini.” (Natsir, 1955). Beliau menjelaskan pendiriannya seperti berikut: Dengan ini kita tidak usah dinamakan anti-Barat. Kita hanya mengemukakan...beberapa matjam diantara buah kebudayaan Barat yang amat berpaedah dan besar manfaatnya buat Timur...ada pula yang sampai kenegeri kita ini beberapa bahagian, yang tidak mendatangkan manfaat, malah merusak masyarakat, baik di sini, sesudah ditjontoh mentah-mentah, ataupun di Barat sana tempat kelahirannya itu sendiri” (Natsir, 1955). Pandangan seperti ini masih relevan dengan isu semasa berkaitan bukan sahaja dengan faham feminisme tetapi juga dengan gejala hedonisme yang semakin “maju” di Indonesia dan di Malaysia.

Islam Sebagai Revolusi Akidah dan Pandangan Semesta

Dalam perspektif pemikir-pemikir Islam berfaham *kaffah* dan *shumul*, Islam dilihat sebagai suatu revolusi, suatu pandangan hidup yang mengandungi ideologi yang memerlukan *jihad*. Dalam pengertian yang umum, untuk direalisasi istilah revolusi, ideologi, *Weltanschauung* atau *worldview* diambil dari bahasa Barat tetapi diberikan isi yang Islami. Dalam konteks pemikiran M. Natsir atau Iqbal, Abu A’la Mawdudi dan Sayyid Qutb, istilah-istilah itu merujuk bukan kepada sumber akal manusia tetapi kepada sumber *Ilahi* dan *Rabbani*. Apabila Bapak M. Natsir menyebut Islam sebagai revolusi atau ideologi, sudah pasti beliau tidak merujuk kepada revolusi atau ideologi *ciptaan manusia* seperti Revolusi Perancis, Revolusi Amerika, dan ideologi-ideologi politik seperti demokrasi, sosialisme, liberalisme, komunisme atau fashisme. Beliau maksudkan dengan perkataan-perkataan tersebut ialah Islam yang mengandungi satu “*way of life*”. Islam mengandungi satu sistem kepercayaan dan keyakinan tersendiri untuk mengatur hidup bermasyarakat sebagai *hamba* dan *khalifah* Allah s.w.t yang perlu diwujudkan dalam bentuk *tamaddun* sebagai satu perjuangan

dan tanggungjawab suci untuk mencapai kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Beliau berkata: Islam yang terhimpun dalam Al-Quran itu pada hakikatnya merupakan suatu revolusi, yang membebaskan manusia dari belenggu atas kehidupan sosial, yang telah melumpuhkan kehidupan manusia... Nuzulul Qur’an adalah suatu revolusi membantras kemiskinan dan kemelatan... suatu revolusi membantras perhambaan dan membantras *exploitation of man by man* (Natsir, 1980c).

Penggunaan istilah “pandangan hidup” bagi agama Islam oleh Bapak M. Natsir dan Buya HAMKA memperkayakan wacana masa kini dengan terbukanya suatu cara berfikir tentang Islam yang menarik dan relevan dengan aliran-aliran pemikiran kontemporer tanpa menjejaskan teologi dan epistemologi Islam yang *orthodox*. Dengan penampilan “*packaging*” yang kelihatan baru dan menarik, disamping menggunakan kerangka *worldview* atau *weltanschauung*, mereka berjaya menarik minat dan mengisi kehausan intelektual dan rohani generasi muda yang terdidik dalam sistem pendidikan sekular atau Barat. Keterangan Buya Hamka tentang wacana kecendekiawanan sahabat karibnya Bapak M. Natsir perlu mendapat perhatian generasi muda Islam hari ini dan masa hadapan: M. Natsir mengemukakan sikap dan pendirian Islam sebagai asas untuk memperjuangkan Kemerdekaan.... mulai jelas perbezaan pandangan-hidup antara nasionalis, yang berjuang kerana kemerdekaan itu *an sich* dengan pandangan-hidup mestinja seorang Muslim (Natsir, 1955). Seterusnya beliau menerangkan: M. Natsir berpendapat, Islam bukanlah semata-mata suatu agama, tapi adalah suatu pandangan-hidup [*worldview*, *Weltanschauung*, *outlook on life*] yang meliputi soal-soal politik, ekonomik, sosial dan kebudayaan. Baginya Islam itu ialah sumber segala perjuangan atau revolusi itu sendiri, sumber dari penentangan setiap matjam pandajahan: eksploitasi manusia atas manusia; pambantrasan kebodohan, kedjahilan dan kemiskinan. Islam tidak memisahkan antara keagamaan dan kenegaraan.... Bertahun-tahun

ideologi yang dijelaskan M. Natsir itu tinggal dalam bundelan *Pembela Islam* saja.... (Natsir, 1955).

Bapak Zainal Abidin Ahmad menjelaskan keistimewaan dan kesinambungan wacana *Ilahi Tajdid* di Indonesia dengan kata-katanya: Semuanya [tulisan M. Natsir] didjiwainja dengan semangat dan ideologi Islam yang mendjadi pegangan hidupnja. Dia tampil kedepan.... untuk memimpin perdjjuangan bangsanja.... baik terhadap bangsa pendjajah maupun terhadap bangsa sendiri yang belum menginsafi akan ideologi Islam itu.... Begitu pula terhadap beberapa pemimpin Indonesia yang tidak mengerti akan ideologi Islam.... Dia datang pada saatnja yang tepat. Di dalam rangkaian pemimpin-pemimpin Islam Indonesia yang dipelopori oleh H.O.S. Tjokroaminoto dan H.A. Salim, dia merupakan mata rantai yang sambung-bersambung untuk melaksanakan ideologi Islam... yang sebagai irama suling perindu menawan hati atau sebagai terompet yang memanggil kepada *djihad* yang sutji (Natsir, 1955).

Walaupun penggunaan perkataan ideologi yang dikaitkan dengan Islam sudah tidak populer lagi sejak kemunculan ORBA yang menekankan *program pembangunan* dan modernisasi, yang kononnya zaman ideologi sudah berakhir. Namun ideologi sebagai suatu sistem kepercayaan atau keyakinan, pandangan hidup secara kolektif atau bermasyarakat untuk mendorong perubahan-perubahan sosio-politik, tetap wujud dalam kelompok-kelompok dan aliran-aliran pemikiran yang berbeza, baik di Indonesia atau di Malaysia, tetapi ia tidak di sebut sebagai ideologi kerana sebab-sebab yang tidak dapat dibincangkan. Bagi umat Islam di Indonesia dan Malaysia istilah itu boleh dan sudah diganti dengan istilah asli dalam tamaddun Islam, iaitu *'aqidah* sebagaimana yang dipopularkan oleh gerakan *al-Ikhwān al-Muslimīn* atau "*al-tasawwur al-Islami*" (*worldview* Islam) yang dirintiskan oleh al-Shahid Sayyid Qutb dalam *Fi Zilal al-Quran*, KhaĪÉ'īĪ *al-Tasawwur al-Islami wa Muqawwimatuh* dan *Muqawwimat*

al-Tasawwur al-Islami (yang diterbit sesudah kematiannya, meskipun bahagian terakhirnya tidak lengkap). Wacana-wacana yang bergelut dalam kancah politik pemikiran atau "battle of ideas" hari ini ("*al-ghazw al-fikri*" pada tahun 60-an) tetap merupakan ideologi atau berdasarkan *worldview*, pandangan hidup atau *al-tasawwur* yang tertentu. Di Indonesia keinginan untuk berwacana tentang perlunya negara Indonesia yang ditunjangi oleh nilai-nilai dan hukum Ilahi diwar-warkan dan ditakutkan sebagai kecenderungan "primordialisme dan nostalgia". Oleh kerana tidak mahu dilihat sebagai golongan yang terperangkap dalam kerangka berfikir primordialistik atau nostalgik dengan kegemilangan yang sudah hilang, sebahagian cendikiawan dan penulis Muslim generasi ORBA atau Era Reformasi tidak dapat membuat apresiasi yang non-partisan atau objektif terhadap pemikiran Islam yang syumul dan penolakkannya terhadap gagasan-gagasan sekularisme, sekularisasi, liberalisme, pluralisme atau humanisme sekular. Perkara yang mungkin tidak disedari oleh mereka ialah dengan peningkatan agenda Islamophobia media global, dan usaha pengkotakkan umat Islam dalam "kotak-kotak" kategori atau tipologi-tipologi keislaman yang dipasarkan oleh sarjana-sarjana Barat dan para Indonesianists terkenal dari zaman Clifford Geertz sampai kepada R. William Liddle dan Greg Barton.

Semua pemikiran mereka dijuruskan ke arah penjonolan golongan "*substantialist*", "*pluralist*", "*moderate*", "*inclusivist*", atau "*neo-modernist*" dan menjauhkan diri dari golongan yang dikotakkan atau dilabelkan sebagai "*scripturalist*", "*literalist*", "*exclusivist*" atau "*fundamentalist*" (Liddle, 1996; Shepard, 1987). Bapak M. Natsir membincang isu ini sebagai sebahagian daripada "social/ political engineering" sejak permulaan dasawarsa 70-an. Kepada beliau setiap kelompok atau gerakan yang memperjuangkan gagasan-gagasan besar mempunyai "norma-norma, titik-tolak, motivasi, pendorong dan sumber tenaga" untuk menggerakkan apa yang dinamakan "program". Kata beliau:

Bagi masing-masing pejuang, ideologi sudah lama tertanam dalam bathin mereka, ada yang bersifat transcendental melalui wahyu Ilahy, ada pula yang hasil pemikiran manusia yang sudah bersejarah. Ideologi dan program adalah dua sisi dari mata wang yang satu (*two sides of one coin*) (Natsir, 1980d).

Berpolitik di Medan Dakwah

Bidang dakwah menjadi bidang garapan utama Bapak M. Natsir sesudah MASJUMI dan pemimpin-pemimpinnya termasuk beliau tidak diberi kebebasan berpolitik di dalam sistem ORBA. Sebelum itu, beliau “berdakwah dijalur politik”, selepas itu kepimpinan dan kecendekiawanannya ditumpukan sepenuh masa kepada berdakwah secara eksplisit, atau “berpolitik dijalur dakwah”. Meskipun bidang perjuangan sudah bertukar dan gaya berwacana menjadi pendakwah agama yang jelas, namun ia tetap memerah keseluruhan tenaga intelektual, kekuatan ruhani, keluasan semangat *al-tasamuhnya* dan ketinggian budipekertinya. Sesungguhnya nilai-nilai pokok dari pandangan hidup *Tawhid* beliau – hidup kerana Allah s.w.t, *berjihad fi sabilillah*, berpegang teguh kepada Al-Quran dan Sunnah, mencari keredhaan Ilahi, bukan kepujian atau sanjungan manusia, penghayatan *al-taqwa* dan *al-akhlaq al-karimah* dalam semua urusan kehidupan, dan meletakkan kepentingan Islam dan umat Islam di atas segala kepentingan diri atau kelompok serta menjadi asas dan pendorong yang sama, baik dalam bidang politik maupun dalam bidang dakwah praktis. Dalam wacana dakwahlah yang akan berjumpa dengan lebih jelas asas-asas kepercayaan dan keyakinan Bapak M. Natsir yang membentuk keistimewaan seorang peribadi pemimpin dan pendakwah Islam universal yang berkaliber besar pada Abad ke 20. Secara tidak rasmi beliau sudahpun melakukan dakwah bernada defensif melalui tulisan-tulisannya pada tahun 30-an, terutama sekali pembelaannya terhadap penghinaan kepada Islam dan serangan terhadap ajaran Islam dalam kalangan sarjana Barat dan kritiknya mengenai usaha-usaha misi Kristen atau

zending untuk mengkeristiankan orang-orang Islam yang miskin di daerah-daerah tertentu di kepulauan Indonesia, dari zaman penjajahan Belanda terus sampai ke zaman ORBA (Natsir, 1980b). Beliau menangani ancaman serangan dan pegrinaan dari kalangan Barat dan Kristen dengan berbekalkan pengetahuan yang mendalam tentang sejarah gereja, kandungan Bible dan literatur *Higher Criticism* dalam bahasa Belanda atau Jerman. Dengan kejernihan berfikir dan kekuatan analisa beliau menentang usaha-usaha golongan Protestan atau Katolik yang “menjadikan ummat telah beragama sebagai sasaran penyeberan agama masing-masing”.

Beliau juga bimbang kalau-kalau “suara azan akan dikalahkan oleh loceng gereja” dalam daerah umat Islam. Beliau mempertahankan kebebasan beragama dan penyebaran agama tanpa paksaan kerana itu adalah tuntutan agama Islam. Beliau mengamalkan toleransi terhadap agama lain kerana itu adalah tuntutan Islam. Tetapi beliau tidak akan sekali-kali akan memesongkan tafsiran ayat-ayat Al-Quran mengenai konsep hanif konsep *Islam* dan *Muslim*, konsep *Ahl al-Kitab*, konsep *jihad*, *kufr* dan *shirk*, atau ayat-ayat yang sering disalahtafsirkan oleh mereka yang berfaham pluralistik ala Barat, iaitu Q. al-Baqarah 2:262, dan Q. al-MÉ’idah 5: 69. Bapak M. Natsir memahami dan benar-benar menghayati ketegasan dan kemutlakan ‘*aqidah* Tawhid (*absolutely uncompromising monotheism*) yang diimbangi pada waktu yang sama oleh keikhlasan *la ikraha fi al-din* dan kod etika Ilahi dalam *nas qatiy* yang berikut: Dasar-dasar kebebasan beragama dan hubungan baik antara umat Islam dan *Ahl al-Kitab* di negara Islam al-Madinah al-Munawwarah yang terkandung dalam Piagam Madinah yang masyhur, serta *uswah Hasanah* yang ditinggalkan oleh Rasulullah (s.a.w.) dalam menghormati jiran Yahudi atau raja Kristian di Habasyah dan dasar-dasar keadilan yang diamalkan oleh para pemimpin negara Islam dan kegemilangan sejarah kehidupan antara agama di Andalusia semuanya menjadi panduan sikap dan tindakan yang beretika dan bertasamuh yang

dititikberatkan dalam wacana Bapak M. Natsir (M. Natsir, 1980:200-228). Namun, beliau kesal kerana usaha-usaha yang dianjurkan oleh pemerintah Presiden Suharto agar diterima bersama suatu “*modus vivendi*”, satu rumusan piagam antar-agama yang dipakai oleh semua agama tidak dapat diterima oleh pihak Kristian.

Sebagai ketua Dewan Dakwah Islamiah Indonesia sejak tahun 1967, Bapak M. Natsir tampil dalam masyarakat selalu pendakwah sepenuh masa di samping terus menjadi jurubicara, penyambung lidah dan hati nurani umat Islam. Kumpulan ceramah dan ucapan-ucapan beliau yang dibukukan sebagai Natsir (1980a) membicarakan dimensi-dimensi penting dalam usaha dakwah, baik yang bersifat *bi al-lisan* atau *bi al-hal*, dan membuka kepada pembaca rahsia-rahsia kebesaran dan ketinggian peribadi Bapak M. Natsir. Didapati bahawa beliau amat mementingkan kebersihan hati dari penyakit-penyakit yang dikupas secara mendalam oleh al-Ghazali dalam *Ihya' 'Ulum al-Din*, seperti *Hubb al-dunya*, *hubb al-jah*, *'ujb*, *riya'*, *takabbur* dan lain-lain. Menurut beliau *akhlaq karimah* adalah tiang dakwah, sifat-sifat yang tercela dan egoistik itu harus disingkir dari ucapan dan kelakuan para pendakwah dengan ujian dan cobaan adalah suatu kepastian dalam kehidupan seorang pendakwah. Beliau memberi penjelasan: “Biasa seorang muballigh, tadinya bersengaja benar menjauhkan diri dari ‘hubbul-mal’ dan ‘hubbud-dunya’, perebutan harta kekayaan, agar jangan ia sampai tenggelam dalam alam materi. Tetapi ditengah jalan dia bisa tergelincir masuk arus ‘hubbul-jah’ dan ‘hubbur-riyah’, pengejaran pujaan orang banyak, pengejaran gengsi dan kemegahan diri serta nilai-nilai palsu lainnya dalam alam ma'nawi.... Satu kali qalbu dihinggapi oleh penyakit hati, seperti ria' atau yang lebih berat dari itu, maka itu langsung akan membekas kepada pekerjaan da'wahya sendiri.... Akan tetapi *hati* hanya dapat dipanggil dengan *hati*. Dan hati yang berpenyakit, adalah hati yang ‘sakit’ yang tak berdaya untuk memanggil dan menggerakkan hati orang lain secara positif” (Natsir, 1980a).

Beliau memberitahu para pendakwah bahawa sumber kekuatan dalam dakwah ialah merujuk kepada perintah Allah s.w.t dalam surah al-Isra' ayat 78-80 yang menekankan pengaruh solat, pembacaan Al-Quran dan solat tahajjud untuk merasakan nikmat bermunajat dengan Allah s.w.t pada malam yang sunyi senyap. Para pendakwah harus sedar bahawa mereka adalah “menyambung pekerjaan para Rasul dan Nabi.” Maka mereka “tidaklah boleh putus-putus melatih diri, memperoleh kekuatan batin yang lebih besar, dengan mencapai maqam ruhani yang lebih tinggi dan bersih selain bersifat lebih taqarrub kepada Allah s.w.t, lebih mendekatkan jiwa kepada Ilahi Yang Memiliki da'wah itu sendiri” (Natsir, 1980a). Huraian Bapak M. Natsir tentang hikmah dan kekuasaan makna dan dimensinya amat berharga dan sangat relevan dengan cabaran dakwah Islamiah hari ini. Hikmah, yang amat diperlukan dalam dakwah, bagaimana pun tidak bererti menghilangkan identiti sebenar seorang *mu'min-muttaqin* atau merosakkan prinsip-prinsip dan norma-norma agama. Kata beliau, “Demikianlah, banyak muballigh yang tadinya hendak *berhikmah* dengan tasyabbuh, akhirnya menjumpai nasib si tukang pancing yang dilarikan ikan” (Natsir, 1980a). Daripada kumpulan khutbah Bapak M. Natsir, dapat ditemui nilai-nilai luhur dan asas-asas keimanan dan keyakinan yang mendasari dan mewarnai perwatakan, pemikiran dan kelakuan beliau, baik sebagai guru, penulis, pejuang kebangsaan, cendekiawan, pemimpin politik, negarawan, pengurus atau pemimpin dakwah. Di antara prinsip-prinsip asasi yang menjadi pandangan hidup *mu'min-muttaqin* ialah: (a) berlumba-lumba berbuat kebaikan kerana “sebaik-baik manusia ialah orang yang paling banyak bermanfaat bagi sesama manusia”. Manusia juga adalah sama yang menentukan kemuliaannya ialah taqwanya kepada Allah s.w.t, (b) ilmu, kekuasaan, harta dan kedudukan adalah amanah Allah s.w.t. Amanah adalah sendi pembangunan bermasyarakat. Oleh itu jagalah martabat, kebersihan dan integriti ilmu, (c) *Al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy'an al-munkar* menjadi kewajipan setiap *mu'min*. Jadilah umat yang wasat (pertengahan dan perimbangan yang

adil dengan kekuasaan adalah amanah Allah s.w.t untuk menegakkan hukum dan keadilan, (d) *Tawhid* menuntut penjagaan *Habl min Allah* dan *Habl min al-nas*, dan persaudaraan universal, kerana manusia adalah umat yang tunggal. Hidup berdampingan secara damai sebagaimana dituntut oleh Piagam Madinah. “Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan suka kepadamu, kecuali bila engkau turut agama mereka” (Al-Quran 1:120), (e) di antara punca kelemahan umat Islam ialah *‘Iubb al-dunya* dan *karahiyyat al-maut*, kerana objektif terakhir ialah kebahagiaan di akhirat. Oleh itu dekatkan diri dengan Allah s.w.t melalui prinsip *ihsan* dan sedia berkorban untuk agama kerana Islam yang hakiki menuntut pengorbanan diri, dalam contoh Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail a.s., (f) biasakan diri mencari rasa-bahagia dalam memberi dan jangan bertindak zalim dan cegah perbuatan mungkar. Degenerasi bermula dalam diri dengan pengaruh hawa nafsu sehingga idealisme bertukar menjadi “kultus-ego, pemujaan Aku”. Egoisme menjadi motivasi bagi tindak tanduk di pelbagai bidang kehidupan, (g) Ujian adalah pakaian hidup. “Kamu diberi hidup untuk diuji!” Kita juga diuji dengan kedudukan, kekayaan dan kesenangan (*bala’ bi al-khair*). Ibadah yang diterima ialah ibadah yang berbekas atas *kekuatan iman* kita, watak kita, *akhlaq* budipekerti kita, *daya tahan* kita menempuh ujian dan kehidupan, dan (h) dakwah dalam maksud amar makruf dan nahi munkar adalah syarat mutlak bagi kesempurnaan dan keselamatan hidup masyarakat. Sebagai “umat yang terbaik” medan dakwah berada dalam semua sektor kehidupan untuk diisi. Oleh itu *Iman* dan *taqwa* akan membuka pintu keberkatan dan kemajuan yang hakiki. Menentang aturan Ilahi adalah sumber bagi kegagalan dan keruntuhan umat (Natsir, 1980d).

Kesimpulan

Dari tinjauan yang dilakukan ke atas landskap pemikiran, perasaan dan kecendekiawanan Bapak Mohammad Natsir telah mendedahkan beberapa isu besar dalam perjalanan umat Islam di Indonesia pada abad ke-20 di

samping diketahui pegangan dan pandangan hidup yang membentuk ciri-ciri keistimewaan peribadi, pemikiran, budi pekerti dan tindakan pemimpin besar ini. Secara ringkas sifat-sifat kecendekiawanan Bapak M. Natsir yang tetap diperlukan oleh masyarakat dan negara Indonesia hari ini adalah seperti (a) kecendekiawanan yang berasaskan teologi, epistemologi, kosmologi, aksiologi dan etika yang merupakan bahagian-bahagian penting dalam pandangan hidup atau *worldview* Islam, (b) kecendekiawanan yang benar-benar bersepadu antara unsur yang sering diasingkan dan antara *tafakkur* dengan *dhikr Allah* antara yang berguna dari peradaban Barat atau kemodenan dengan yang baik dari warisan klasik atau peradaban Timur; antara keindonesiaan dan keislaman; antara ilmu pengetahuan umum dan moden dengan ilmu pengetahuan agama; antara bahasa Arab, Indonesia dengan bahasa Barat; antara semangat kebangsaan dengan semangat ummatisme; antara kepentingan keduniaan yang sah dengan matlamat di Akhirat, (c) kecendekiawanan yang tahu memberikan prioriti, keutamaan atau *awlawiyyah* dan proporsionaliti dalam mencari penyelesaian masalah-masalah semasa, (d) kecendekiawanan yang sopan, santun, berakhlak mulia dan berhikmah, tidak akan menggadai kepentingan umat atau prinsip agama, (e) kecendekiawanan yang berpijak di bumi nyata akan berpandukan kepada panduan Ilahi dan keupayaan akal dan mengetahui batas-batasnya, (f) kecendekiawanan yang memberikan penanda aras yang amat baik kepada umat Islam sepanjang masa bagi pengintegrasian dan kesatuan *‘aql* dan *naql*, ketinggian ilmu dan akhlak karimah, idealisme dan realisme, agama dan negara, *fikr* dan *dhikr*; wawasan bernas dan amalan yang nyata dan ikhlas dan (g) Kecendekiawanan bermutu tinggi yang mampu memimpin negara besar dan kompleks seperti Indonesia adalah suatu model yang langka tetapi amat diperlukan. Model kecendekiawanan sebegini mungkin dapat memberi jawapan kepada soalan yang maha penting, iaitu manakah yang harus diutamakan oleh hamba-hamba Allah s.w.t yang hidup di atas sebahagian kecil dari bumi yang fana ini, “mengindonesiakan

Islam” sebagaimana yang dikehendaki oleh sarjana-sarjana Barat atau “mengislamisasikan Indonesia” sebagai negara umat Islam terbesar di dunia yang telah mencapai kemerdekaannya dengan sumbangan besar pejuang-pejuang dan cendekiawan-cendekiawan Islam?

Rujukan

Adian Husaini. (2005). *Islam Liberal, Pluralisme Agama & Diabolisme Intelektual*, Risalah Gusti. Surabaya, Indonesia.

Adian Husaini dan Nuim Hidayat. (2007). *Islam Liberal Sejarah, Konsep, Penyimpangan dan Jawabannya*. Gema Insani, Jakarta, Indonesia.

Adnin Armas. (2003). *Pengaruh Kristen-Orientalis Terhadap Islam Liberal, Dialog Interaktif dengan Aktivistis Jaringan Islam Liberal*. Gema Insani Press. Jakarta, Indonesia.

Ahmad Suhelmi. (2002). *Polemik Negara Islam: Soekarno versus Natsir*. Teraju, Jakarta, Indonesia.

Ajip Rosidi. (1989). *Mohammad Natsir, Sebuah Biografi*. Umninda, Jakarta, Indonesia.

Anis Malik Thoha. (2005). *Tren Pluralisme Agama: Tinjauan Kritis*. Perspektif, Jakarta, Indonesia.

Anwar Harjono. (2001). *Pemikiran dan perjuangan Mohammad Natsir*. Pustaka Firdaus, Jakarta, Indonesia.

Barton, G. (1995). *Gagasan Islam Liberal Di Indonesia Pemikiran Neo-Modernisme Nurcholish Madjid, Djohan Effendi, Ahmad Wahib dan Abdurrahman Wahid*. Kerjasama Paradima dengan Pustaka Antara, Yayasan Adikarya IKAPI dan The Ford Foundation, Jakarta, Indonesia.

Endang Saifuddin Anshari dan Rais M. Amien (1988). *Pak Natsir 80 Tahun buku pertama Pandangan dan Penilaian Generasi Muda*.

Jakarta: Media Dakwah (Pengarang).

Federspiel, H. M. (2001). *Persatuan Islam. Islamic Reform in 20th Century Indonesia*. Ithaca, New York, Modern Indonesia Project, Cornell University.

HAMKA. (1967). *Pandangan Hidup Muslim*, Cetakan Pertama.: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

Hartono Ahmad Jaiz. (2005). *Menangkal Bahaya JIL dan FLA*. Pustaka Al-Kautsar, Jakarta, Indonesia.

Iqbal Muhammad. (1968). *The Reconstruction of Religious Thought In Islam*. SH. Muhammad Ashraf, Lahore, Pakistan.

Liddle, W. (1996). *Media Dakwah Scripturalism: One Form of Islamic Political Thought and Action in New Order Indonesia in Mark R. Woodward (Ed.). Towards a New Paradigm Recent Developments in Indonesian Islamic Thought*. Arizona State University Press, Arizona, USA.

Luthfi Assyauckanie (2002). *Wajah Liberal Islam di Indonesia*. Jaringan Liberal Islam, Jakarta, Indonesia.

Moderation in Islam in the Context of Muslim Community in Singapore (2004). Pergas, Singapore.

Mohammed Arkoun. (1994). *Rethinking Islam Common Questions, Uncommon Answers* Westview Press, UK.

Natsir, M. (1955). *Capita Selecta*. Bulan Bintang, Djakarta. Tjetakan Ketiga, 1973.

Natsir, M. (1980a). *Fiqhud-Da‘wah*. Pustaka Nasional Pte. Ltd, Singapura

Natsir, M. (1980b). *Islam dan Kristen di Indonesia*. Media Dakwah Indonesia, Jakarta, Indonesia.

Natsir, M. (1980c). Mencari Modus Vivendi Antar Ummat Beragama di Indonesia. Media Dakwah Indonesia, Jakarta, Indonesia.

Natsir, M. (1980d). Kumpulan Khutbah Hari Raya. Media Dakwah, Jakarta, Indonesia.

Natsir, M. (1988). Islam dan Akal Merdeka. Cetakan Pertama, 1947. Media Dakwah Indonesia, Jakarta, Indonesia.

Nurcholish Madjid. (2004). Fiqh Lintas Agama, Membangun Masyarakat Inklusif-Pluralis. Yayasan Wakaf Paramadina berkerjasama dengan The Asia Foundation, Jakarta, Indonesia.

Syamsuddin Arif. (2008). Orientalis & Diabolisme Pemikiran. Gema Insani, Jakarta, Indonesia.

Tashwirul Afkar, Jurnal Refleksi Pemikiran Keagamaan & Kebudayaan. (2000). Memotret Mesir, Mengusung Islam Liberal, Edisi No.8, ISSN 1410-9166.

Sherpard, W.E. (1987). Islam and Ideology: Towards a Typology in Int. J. Middle East Stud. 19:307-336.

Yusuf Abdullah Puar. (1978). Muhammad Natsir 70 Tahun: Kenang-kenangan Hidup dan Perjuangan. Pustaka Antara, Jakarta, Indonesia.

Yusril Ihza. (1995). Combining Activism and Intellectualism: The Biography of Mohammad Natsir (1908-1993). Studia Islamika, 2(1):112-144.

YËsuf al-QarËÉwË. (2000). FatËwË Mu'ËËirah, Jld 2. al-Maktab al-IslËmË, Beirut, Lebanon.